



**17 Mac 2023**

### **MENGHADIRI MISA: MISA HARI MINGGU DAN HARI-HARI WAJIB**

- **Penarikan semula Pengecualian (Dispensasi) berkuatkuasa Hari Minggu Palma 2023**
- 

Kasih karunia dan damai sejahtera dari Allah, Bapa kita, dan dari Tuhan Yesus Kristus menyertai kamu. (1 Kor 1:3)

Sejak pertengahan Mac 2020, kebebasan kita untuk menghadiri Misa secara fizikal telah terganggu disebabkan pandemik COVID-19. Merayakan Ekaristi sebagai komuniti di gereja-gereja tidak dapat dilakukan atas sebab-sebab di luar kawalan kita. Namun kita menemui cara untuk mendengar firman Tuhan di rumah dan melalui dunia digital. Kita dapat bersatu melalui doa peribadi dan keluarga.

Oleh kerana bahaya kepada kesihatan kita, mengikut Undang-Undang Kanonik (CIC) 87 §1 yang membolehkan Uskup diosis memberikan pengecualian umat beriman dari undang-undang disiplin, kami telah memberikan pengecualian dari kewajipan untuk menghadiri Misa pada hari Minggu dan hari-hari wajib.


Pengecualian itu bertujuan untuk kelonggaran sementara demi kesihatan, keselamatan, dan kebaikan bersama. Setelah berunding dan meneliti, melihat bahawa sebahagian besar sekatan pandemik telah ditarik balik, dispensasi umum pada hari Minggu dan hari-hari wajib suci akan ditarik balik berkuat kuasa Hari Minggu Palma 2023.

Kita mengingatkan diri kita sekali lagi, "Hari Minggu, menurut tradisi apostolik, adalah hari dirayakannya misteri paskah, maka harus dipertahankan sebagai hari raya wajib utama di seluruh Gereja. (CIC 1246 §1).

Seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kanonik Gereja, bagi mereka yang tidak dapat memenuhi kewajipan Hari Minggu dan Hari Suci Wajib kerana sebab-sebab yang serius termasuk kondisi kesihatan yang serius (contohnya, penyakit jantung, penyakit paru-paru kronik, penyakit buah pinggang, sistem imunisasi lemah dan bahaya-bahaya lain kepada kehidupan yang mungkin disebabkan oleh coronavirus), anda masih dapat berpegang kepada hari suci Tuhan dengan cara lain, "meluangkan waktu untuk berdoa selama waktu yang pantas sama ada secara peribadi atau sebagai keluarga" (CIC 1248 §2), ini mungkin termasuk mengambil bahagian dalam Misa Kudus dalam talian.

Kami dengan ini mengalu-alukan umat beriman untuk kembali beribadat secara fizikal merayakan Misa sambil mengingati “*pada Hari Minggu dan hari-hari wajib, umat beriman berkewajiban untuk ambil bahagian dalam Misa.*” (*Katekismus Gereja Katolik 2180; CIC 1247*).

**Para Uskup Anda,**



**+ Most Rev Julian Leow Beng Kim D.D.**

President, CBCM

Archbishop of Kuala Lumpur

+ Rt Rev Sebastian Francis  
Bishop of Penang

+ Rt Rev Bernard Paul  
Bishop of Malacca Johore

+ Most Rev John Wong  
Archbishop of Kota Kinabalu

+ Rt Rev Cornelius Piong  
Bishop of Keningau

+ Rt Rev Julius Gitom  
Bishop of Sandakan

+ Most Rev Simon Poh  
Archbishop of Kuching

+ Rt Rev Richard Ng  
Bishop of Miri

+ Rt Rev Joseph Hii  
Bishop of Sibu